

# Banjir seluruh negara kian pulih

## Hanya 220 mangsa di pusat pemindahan

Oleh Sazarina Shahrim, Hamid Salleh, Wan Faizal Ismayatim, Safuri Kamarudin dan Syalvia Sulihan

**K**UALA LUMPUR: Keadaan banjir di seluruh negara hampir pulih, dengan hanya 220 mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan di Dungun, Terengganu, manakala mangsa di Kedah, Kelantan dan Sabah sudah pulang ke rumah masing-masing.

Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Terengganu Selatan diletakkan dalam amaran peringkat merah iaitu paling tinggi kemungkinan berlaku banjir terutama di kawasan rendah dan tebing sungai.

Sabah turut diletakkan dalam kategori sama terutamanya di Baha-

gian Pantai Barat, Kudat dan Sandakan (terutama di kawasan lembangan Sungai Kinabatangan).

Jabatan itu menerusi kenyataan semalam, berkata Selangor dan Kuala Lumpur akan mengalami keadaan mendung dan kadang kala hujan sehingga hujung minggu ini, Kelantan dan Terengganu Utara dijangka mengalami mendung dan hujan renyai sehingga hari ini, manakala di Sarawak, hujan diramal berlaku dari semasa ke semasa sehingga hujung minggu ini.

Di **BALING**, semua 320 mangsa banjir dari tiga kampung di daerah ini dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sejak malam kelmarin apabila banjir surut.

Di **KUALA TERENGGANU**, banjir di daerah Hulu Terengganu dan Besut pulih, manakala hanya 220 mangsa daripada 47 keluarga masih ditempat-

kan di pusat pemindahan di Dungun sehingga jam 3 petang semalam.

Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik negeri, Superintendan Farid Mahmud, berkata semua mangsa dari Kampung Paya ditempatkan di Dewan Sivik Kampung Batu 48.

Di **KOTA KINABALU**, semua 295 mangsa banjir dari lima kampung di daerah Beaufort, dekat sini, yang ditempatkan di Dewan Pa' Musa sejak Jumaat lalu kembali ke rumah masing-masing petang semalam.

Di **KOTA BHARU**, semua 130 mangsa di pusat pemindahan sekitar Kuala Krai, Tanah Merah dan Pasir Mas, pulang ke rumah, semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Polis Kelantan, berkata semua jalan utama serta jalan kampung yang sebelum ini ditenggelami air sudah boleh dilalui semua kenderaan.